



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41 – PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**  
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat
2. Gaji Minima Yang Ditawarkan : **RM 100.00 SEHARI** (akan dibayar berdasarkan bilangan hari bertugas dan tidak melebihi 23 hari bekerja setiap bulan)
3. Syarat Lantikan Wajib :
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
  - (c) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau:
  - (d) Ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau:
  - (e) Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - (f) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Syarat Tambahan : **Keutamaan adalah bagi calon-calon yang mempunyai kemahiran dalam pembangunan dan selenggaraan sistem dalam talian melibatkan pengaturcaraan PHP, JAVA, JavaScript, pangkalan data MySQL, Microsoft SQL, UI/UX Design (CSS) dan Mobile Application Development.**
5. Kemudahan : Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat seperti berikut:
  - (a) Elaun Perjalanan Kenderaan;
  - (b) Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing;
  - (c) Elaun Harian (bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang daripada 24 jam;
  - (d) Elaun Makan (bertugas luar pejabat bagi tempoh 24 jam atau lebih);
  - (e) Caruman KWSP
6. Taraf Jawatan : **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

7. **Fungsi Bidang Tugas** : Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian semula sistem pemrosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan Pihak Berkuasa.
8. **Cara Memohon** :
- (i) Permohonan hendaklah menggunakan sampul surat biasa disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport dan hendaklah disertakan dengan **satu (1)** salinan fotostat sijil dan dokumen-dokumen berikut yang diakui sah (mengikut susunan):-
    - a. Resume Calon;
    - b. Kad Pengenalan;
    - c. Sijil Kelahiran;
    - d. Sijil Tamat Persekolahan;
    - e. Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
    - f. Salinan Diploma/Ijazah berserta transkrip (sekiranya berkaitan);
    - g. Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS) dan
    - h. Lain-lain dokumen sokongan.
  - (ii) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan surat pengesahan jawatan yang terkini.
  - (iii) Pemohon hendaklah tuliskan jawatan yang dipohon diatas sebelah kiri sampul surat.
  - (iv) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
  - (v) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
  - (vi) Semua dokumen yang diberikan kepada tidak akan dikembalikan.
9. **Tarikh Tutup Permohonan** : **23 JULAI 2019 (SELASA) jam 3.00 petang**

  
(AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI)  
Ketua Eksekutif  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tarikh : 8 Julai 2019

